

TARIKH	25 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	48	RUANGAN	Dunia

28,000 jemaah Malaysia dijadualkan tiba di Mina tengah malam tadi

Jemaah haji mula bergerak ke Mina

MEKAH - Lebih dua juta jemaah haji mula menunaikan ibadah haji yang secara rasmi bermula semalam selepas tiba di Mekah seminggu lalu.

Jutaan jemaah kini menuju ke Mina untuk bermalam sebelum menuju ke Arafah bagi menunaikan wukuf.

Antara mereka termasuk 28,000 jemaah haji Malaysia yang mula bergerak ke Mina dan Padang Arafah untuk berwukuf esok.

Jalan-jalan utama di kota Mekah kini sesak teruk dengan kenderaan yang membawa jemaah haji dari seluruh dunia bagi menunaikan ibadah berkenaan.

Pergerakan jemaah haji Malaysia bermula pada pukul 12.30 tengah hari (waktu Arab Saudi) melalui perjalanan sejauh 20 kilometer.

Jemaah haji Malaysia menuju ke Mina dan Arafah dengan menaiki bas dengan perjalanan tersebut berakhir pukul 12 tengah malam tadi.

Pengurus Media Tabung Haji,



JEMAAH haji sedang melakukan tawaf mengelilingi Kaabah di Mekah kelmarin. AP

Mohamad Naser Jaffar berkata, 800 petugas Tabung Haji digerakkan secara berperingkat seawal jam 7.30 pagi bagi memastikan persediaan awal dilakukan bagi menerima ketibaan jemaah haji

Malaysia.

Dalam pada itu, kebanyakan jemaah haji sudah mula menuju ke Mina pada malam kelmarin selepas selesai melakukan tawaf mengelilingi Kaabah.



BEBERAPA jemaah haji berehat dekat Masjidil Haram di Mekah selepas selesai mengerjakan solat Maghrib kelmarin. AFP

Kerajaan Arab Saudi yang memberi keutamaan kepada keselamatan para jemaah telah mengerahkan beribu-ribu anggota keselamatan di Mekah, Mina, Arafah dan Muzdalifah.

Satu kenyataan Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi kelmarin memberitahu, kesemua jemaah haji bergerak ke Mina dengan lancar tanpa sebarang halangan. - Agensi